




ڦڪاواي كاواغن نڪري ترڱگانو
PEGAWAI KEWANGAN
NEGERI TERENGGANU



PERB.TR.U/16/01/02/1-(20)
27 September 2016
25 Zulhijjah 1437H

Semua Ketua Jabatan Negeri Terengganu
Semua Ketua Badan Berkanun/Agensi Negeri Terengganu
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu

YB.Dato'/ YBhg.Dato'/ Tuan/Puan,

**ARAHAN PEMATUHAN PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL 2 TAHUN 2016
(PERBELANJAAN SECARA BERHEMAT BAGI MENGAWAL PERBELANJAAN AWAM
DALAM BAJET NEGERI TERENGGANU TAHUN 2016)**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana arahan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil 02 Tahun 2016 Para 4.1.2 :

"Penganjuran seminar, persidangan, pameran, kursus, bengkel, majlis-majlis rasmi, upacara pembukaan/ pelancaran dan seumpamanya hendaklah dihadkan kepada yang sangat penting sahaja dan hanya boleh dijalankan dalam negeri sahaja. Keutamaan hendaklah diadakan di bangunan/premis kerajaan terlebih dahulu. Kain Pemidang (bunting dan banner) hendaklah dihadkan".

3. Berdasarkan arahan pekeliling tersebut, pihak YB.Dato'/ YBhg.Dato'/ Tuan/ Puan adalah diminta untuk mematuhi selaras dengan kehendak Kerajaan Negeri.


4. Sekiranya terdapat keperluan yang sangat penting untuk menganjurkan seminar, persidangan, pameran, kursus, bengkel, majlis-majlis rasmi, upacara pembukaan/ pelancaran dan seumpamanya selain dari di bangunan/ premis kerajaan, pihak tuan perlu memperolehi kelulusan YB Pegawai Kewangan Negeri **terlebih dahulu**. Arahan pmatuhan ini **berkuatkuasa serta merta** dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih

" TRANSFORMASI TERENGGANU BAHARU "
" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

(DATO' A. RAHIM BIN JUSOH)



s.k.:-

Yang Berhormat
Setiausaha Kerajaan Terengganu

Pengarah Audit Negeri Terengganu

Semua Ketua Badan Berkanun/Agensi Negeri Terengganu

Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu

Edaran Dalaman:

Bendahari Negeri Terengganu

Tg. Norhasian - samb tel. 6281